



KEMENTERIAN HAL EHWAH EKONOMI

SIARAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) hari ini yang telah dipengerusikan secara bersama oleh YB Tuan Haji Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Penyediaan RMKe-12 ini akan mengambil pendekatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merapatkan jurang ekonomi, menstruktur semula ekonomi serta membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan hidup dalam harmoni agar Malaysia menjadi paksi untuk ekonomi Asia menjelang tahun 2030.

Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMKe-11, Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat di Wilayah Persekutuan.

Sesi libat urus yang ke-12 ini meneroka keunikan dan kekuatan yang boleh dioptimumkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam mencipta Kemakmuran Bersama.

Turut hadir di sesi libat urus ini adalah YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim, Ketua Setiausaha KWP, YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha MEA, ketua-ketua agensi KWP serta pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan agensi-agensi.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

22 Ogos 2019